

D365

B 8532 BAH
MAHATHIR - MUSA
(I)

KUALA LUMPUR, 16 APRIL (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, BELIAU SEDIA MENEMUI TIMBALANNYA, DATUK MUSA HITAM PADA BILA-BILA MASA UNTUK KEPENTINGAN UMNO.

KATANYA, DATUK MUSA TIDAK PERLU MEMOHON ATAU MEMBUAT +TEMUJANJI+ UNTUK MENEMUI BELIAU.

+BAGI SAYA, SAYA BERSEDIA MENEMUINYA PADA BILA-BILA MASA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI KEDIAMAN RASMINYA DI SERI PERDANA DI SINI, SELEPAS MENGADAKAN +SKIM ANAK ANGKAT+ BARISAN NASIONAL BAGI ANAK-KANAK SEKOLAH.

DATUK MUSA PADA AWAL MINGGU INI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA BELIAU MENUNGGU ARAHAN DARIPADA DATUK DR SERI MAHATHIR MENGENAI TENAGA YANG DAPAT BELIAU SUMBANGKAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK MUSA BERKATA BELIAU TELAH MENULIS KEPADA PERDANA MENTERI UNTUK MEMBERITAHUNYA BAHAWA BELIAU KINI BERADA DI DALAM NEGARA. -- LAGI

2014MST 16 04 86

D366

B 8533 BAH
MAHATHIR - MUSA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PILIHAN RAYA SABAH, PERDANA MENTERI BERKATA, BARISAN NASIONAL AKAN BERKEMPEN UNTUK PARTI KOMPONENNYA, BERJAYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, BARISAN NASIONAL BELUM MEMILIH PASUKAN UNTUK MEMBANTU BERJAYA PADA KEMPEN ITU. -- BERNAMA
2014MST 16 04 86